



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983

DR.21/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972;

Akta 73.

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab mengenai pertanian.

Pemansuhan
dan
pembubaran.
Akta 73.

3. Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 adalah dimansuhkan dan Lembaga adalah dibubarkan.

Pemindahan
kuasa,
hak, dsb,

4. Semua kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan tanggungan yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini terletak pada Lembaga hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, diturunkan kepada Kerajaan.

Pemindah-
milikan
harta.

5. (1) Semua tanah yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini diletakhkan pada Lembaga hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, diletakhkan pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud Kerajaan.

(2) Semua harta dan aset selain dari tanah yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini terletak pada Lembaga atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, diletakhkan pada Kerajaan.

Pemindahan
kumpulan
wang.

6. Semua wang yang ada pada Lembaga atau yang kena dibayar kepadanya hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dipindahkan dan diletakhkan pada Kerajaan.

Kontrak-
kontrak
yang ada.

7. Semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang dipindahmilik di bawah seksyen 5, hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau untuk Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah Kerajaan telah dinamakan dalamnya atau menjadi satu pihak kepadanya dan bukan Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga.

Penerusan
prosiding
sivil.

8. (1) Apa-apa prosiding sivil atau kausa tindakan yang menunggu keputusan atau sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan sama seperti yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang sedemikian itu seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohonkan, pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini terhadap keputusan yang diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dalam mana-mana prosiding undang-undang yang mana Lembaga menjadi satu pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Kerajaan.

9. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, semua undang-undang bertulis, perintah, kaedah dan peraturan yang menyentuh atau untuk perlindungan Lembaga dan berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatal oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa berbuat demikian, terus berkuatkuasa dan hendaklah ditafsirkan seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan :

Penerusan
undang-
undang,
dsb.

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan di dalamnya mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan dan ungkapan yang membawa erti sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

10. (1) Jika timbul apa-apa kesulitan atau anomali berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian di dalamnya yang pada hematnya perlu untuk menghapuskan atau mencegah kesulitan atau anomali itu.

Pencegahan
kesulitan
atau
anomali.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) selepas luputnya tempoh tiga tahun dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 dan membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Rang Undang-Undang ini membuat peruntukan—

- (a) mengenai penurunan kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan tanggungan Lembaga kepada Kerajaan Malaysia;

- (b) mengenai pemindahmilikan semua harta alih dan tak alih dan aset lain kepada Kerajaan;
- (c) mengenai pembayaran semua wang yang ada atau yang kena dibayar kepada Lembaga, kepada Kerajaan;
- (d) mengenai penguatkuasaan semua kontrak yang ada oleh Kerajaan atau terhadap Kerajaan;
- (e) mengenai penerusan prosiding sivil oleh Kerajaan sebagai menggantikan Lembaga;
- (f) mengenai penerusan semua undang-undang dan peraturan yang menyentuh atau yang melindungi Lembaga dan undang-undang dan peraturan itu akan terpakai kepada Kerajaan Malaysia; dan
- (g) mengenai pemberian kuasa kepada Menteri Pertanian, yang boleh dijalankan dalam masa tiga tahun dari mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1221.]